

Islam & Pengurusan Kewangan Diri

© Muhammad Haniff Hassan

Mengurus Diri Adalah Ajaran Islam

Secara umum, Islam menganjurkan umatnya agar mengurus kehidupannya dengan baik. Ini dapat dilihat dari dalil-dali berikut

Firman Allah taala yang bermaksud

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah setiap diri melihat apa telah diperbuatnya untuk hari esok (Akhirat), dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (Al-Hasyr : 18)

Ayat ini mengajar kita agar berfikiran jauh sehingga ke Hari Akhirat dan mengurus dan merancang hidup di dunia ini sebagai persiapan untuk menghadapinya kelak.

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud

“Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara yang lain;

- 1. Masa kamu hidup sebelum kamu mati.*
- 2. Masa kamu sihat sebelum kamu sakit.*
- 3. Masa kamu lapang sebelum kamu sibuk.*
- 4. Masa kamu muda sebelum kamu tua.*
- 5. Masa kamu kaya sebelum kamu papa.” (Riwayat Ahmad, Al-Baihaqi dan Ibn Hibban)*

Hadits ini jelas mengajar kita bahawa hidup ini sentiasa melalui kitaran – ada masa positif dan negatif. Oleh itu, kita dianjurkan agar mengambil peluang dari keadaan hari ini untuk menghadapi kemungkinan yang buruk di masa akan datang dan sentiasa mempersiapkan diri bagi menghadapi kemungkinan yang buruk.

Jika diteliti, bolehlah difahami bahawa ini adalah sebahagian dari elemen pengurusan hidup.

Mengurus Kewangan Adalah Sebahagian Dari Mengurus Diri & Sebahagian Dari Anjuran Islam

Realiti kehidupan menunjukkan bahawa manusia memerlukan harta untuk menjalani kehidupan. Allah taala sendiri memperakukannya. Firman Allah taala yang bermaksud

“Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia” (Al-Kahfi : 46)

Jika Islam menganjurkan kita untuk mengurus kehidupan ini. Maka pastilah, Islam juga menganjurkan juga kita mengurus harta kita kerana ia adalah sebahagian dari kehidupan kita. Sebahagian dari harta kita yang perlu diurus ialah wang yang kita milik.

Dalil-dalil berkaitan anjuran Islam mengurus wang, harta dan ekonomi kita ialah firman Allah taala berkaitan mengenai nabi Yusuf dan mimpi Raja Mesir.

Allah taala berfirman yang bermaksud

“Raja berkata (kepada orang-orang terkemuka dari kaumnya) ‘Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor sapi betina yang gemuk-gemuk di makan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus-kurus dan tujuh tangkai (gandum) yang hijau dan tujuh lainnya yang kering. Hai orang-orang terkemuka Terangkanlah kepadaku tentang ta’bir mimpiku itu jika kami dapat mena’birkan mimpi.

Mereka menjawab ‘Itu adalah mimpi-mimpi kosong dan kami sekali-kali tidak tahu mena’birkab mimpi itu.

Dan berkatalah orang yang selamat di antara mereka berdua dan teringat (kepada Yusuf) sesudah beberapa waktu lamanya ‘Aku akan memberitakan kepadamu tentang (orang yang pandai) mena’birkan mimpi itu, maka utuslah aku kepadanya.

(Setelah pelayan itu berjumpa dengan Yusuf dia berseru) ‘Yusuf hai orang yang amat dipercayai, terangkanlah kepada kami tentang tujuh ekor sapi betina yang gemuk-gemuk yang dimakan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus-kurus dan tujuh butir (gandum) yang hijau dan (tujuh) lainnya yang kering agar aku kembali kepada orang-orang itu, agar mereka mengetahuinya.

Yusuf berkata ‘Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan.

Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan.

Kemudian setelah itu akan datang tahun yang padanya manusia diberi hujan (dengan cukup) dan manusia memeras anggur.” (Yusuf : 43 – 49)

Kisah ini memberi pengajaran berikut

1. Setiap ekonomi mempunyai kitaran seperti kehidupan ini – kitaran yang mana ekonomi berada dalam keadaan baik dan kitaran yang mana ekonomi akan mengalami kemelesetan.

2. Kemelesetan ekonomi adalah satu yang lumrah dan pasti berlaku apabila tiba kitarannya. Ini dapat dipelajari dari kejadian tujuh tahun masa senang dan tujuh tahun masa susah yang diramalkan oleh nabi Yusuf dan berlaku kemudiannya.
3. Atas dasar itu, hendaklah kita sentiasa berusaha pada waktu ekonomi berada dalam keadaan baik untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi. Ini dapat dicapai dengan mengurus aset dan harta yang ada.
4. Salah satu cara pengurusan aset dan harta bagi menghadapi masa hadapan ialah melalui proses tabungan dan simpanan. Ini dapat dipelajari dari tindakan nabi Yusuf yang menganjurkan agar tanaman yang dituai sepanjang tujuh tahun tidak dihabiskan semuanya sebaliknya sebahagian kecil disimpan bagi menghadapi musim yang susah.
5. Pada waktu susah pula, yang simpanan dan tabungan jangan dibelanjakan sehingga habis tetapi disimpan sedikit agar dapat menjadi modal untuk dilaburkan pada waktu berkenaan atau apabila menjelang masa senang. Ini dapat dilihat dari kisah nabi Yusuf yang mana lebihan dari simpanan bahan makanan semasa susah membolehkan negeri Mesir terus makmur kerana di datangi oleh orang ramai dari pelbagai tempat untuk mendapatkan bekalan makanan.
6. Ertinya sepanjang masa, kita hendaklah ada wang simpanan dan tabungan.

Anjuran untuk menabung dan mengurus wang juga dapat dilihat secara tidak langsung melalui ibadah yang disyariatkan oleh Islam seperti zakat, haji, sedekah dan waqaf.

Islam mewajibkan kita berzakat harta jika ia telah mencukupi nisab dan syarat-syarat yang lain. Bagaimana kita dapat mempunyai harta yang cukup nisab selama setahun, jika kita tidak ada tabungan dan tidak mengurus harta kita dengan baik. Seorang muslim yang ikhlas dia seharusnya pro aktif dalam beribadah ertinya ia tidak tunggu sehingga hartanya cukup, baru dia akan mengeluarkan zakat tetapi sepatutnya ia berusaha agar menabung wang dan mengumpulkan harta dengan niat agar ia dapat membayar zakat setiap tahun kerana dengan itu ia akan mendapat pahala dari amalan zakat. Seorang muslim yang ikhlas akan merasa sedih jika dalam satu tahun itu, ia tidak mempunyai harta yang cukup untuk mengeluarkan zakat.

Seorang muslim juga seharusnya berazam agar setiap tahun zakat hartanya bertambah dari tahun yang lalu. Ini pastinya tidak dapat dilakukan jika ia tidak menabung, mengurus dan mengembangkan hartanya.

Begitulah juga dengan ibadah haji. Jika kita tidak menabung, mengurus harta dan mengembangkannya bagaimana kita akan boleh mempunyai wang yang mencukupi bagi ibadah berkenaan.

Islam menggalakkan kita mewakafkan harta kita sebagai amal jariah yang berterusan setelah kematian kita. Seorang muslim yang ikhlas mesti mempunyai azam untuk mewakafkan sesuatu semasa hidupnya sebagai saham di Akhirat. Namun bagaimana

boleh kita mewakafkan sesuatu yang bermakna jika kita tidak berharta kerana kita tidak mengurusnya dengan baik.

Banyak lagi ibadah-ibadah dalam Islam yang tidak akan dapat diamalkan tanpa harta yang mencukupi.

Dalam mengurus harta, Islam tidak menggalakkan kita menyimpan harta atau wang dalam bentuk yang statik dan tidak berkembang kerana harta berkenaan lambat laun akan di makan oleh zakat dan Islam juga tidak menyukai sesuatu yang tidak produktif. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud

“Barangsiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia bercucuk tanam atau pun diserahkan tanah itu kepada saudaranya (untuk bercucuk tanam)” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Hadits ini menganjurkan agar kita mengusahakan harta kita untuk berkembang dan produktif dan jika kita tidak mampu, kita boleh mengamanahkan ia kepada saudara kita dan jangan membiarkannya tidak produktif.

Oleh itu, adalah penting bagi umat Islam menabung, mengurus dan mengembangkan hartanya.

Berharta & Cinta Dunia

Islam membenci sifat cinta dunia.

Namun berharta tidak bermakna kita mencintai dunia. Islam memandang mulai kepada mereka yang

- Menabung dan mengumpul harta agar tidak papa yang menyebabkan hidup memintaminta dan mencemarkan maruah diri.
- Menabung dan mengumpul harta agar dapat menunaikan ibadah yang disyariatkan seperti yang dinyatakan di atas bukan untuk keseronokan diri sendiri.
- Mempunyai harta tetapi hartanya hanya melekat di tangannya bukan di hatinya. Seorang yang berharta tetapi tidak melekat hatinya terhadap harta berkenaan sehingga dia mudah untuk menginfaqkannya di jalan Allah taala adalah lebih baik dari orang yang hartanya sedikit tetapi hatinya melekat pada hartanya itu sehingga kedekut dan tidak mahu berpisah darinya.

Walau pun Rasulullah s.a.w hidup dalam keadaan yang amat sederhana tetapi ramai para sahabatnya yang berharta. Sirah Rasulullah s.a.w menunjukkan bahawa dakwah Rasulullah s.a.w sentiasa disokong oleh para pengikutnya yang berharta seperti Khadijah r.a, Abu Bakar r.a, Umar r.a, Utsman r.a dan Abdul Rahman b. Auf r.a.

Niat Yang Baik – Jalan Yang Suci

Menyimpan wang atas niat yang baik akan mendapat pahala di sisi Allah taala. Namun, umat Islam juga haruslah memastikan bahawa cara ia menyimpan, mengurus dan mengembangkan hartanya juga melalui cara yang dibenarkan oleh Islam.

Cara yang salah seperti melalui penipuan, cara riba, bersubahat pada maksiat dan lain-lain yang dilarang haruslah dielakkan.

Jalan yang suci menentukan kesucian harta kita. Harta yang suci menentukan kesucian hati dan kesolehan diri kita.

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud

“Sesungguhnya Allah itu baik dan tidak menerima kecuali yang baik sahaja. Allah memerintahkan orang-orang beriman dengan apa yang Dia telah perintah para rasul, maka Allah taala berfirman ‘Wahai rasul-rasul! Makanlah yang baik-baik dan laksanakanlah amal soleh’ Dan Allah taala berfirman ‘Makanlah dari segala yang baik yang kami kurniakan kepada kamu’, Kemudian beliau (Rasulullah s.a.w) menyebut mengenai seorang lelaki yang jauh pelayarannya, kusut rambut dan comot pakaiannya sambil menadahkan tangannya ke langit (dan berdoa) ‘Tuhanku, Tuhanku’. Sedangkan makanannya haram, minumannya haram dan pakaiannya haram dan dia suap dengan yang haram, bagaimanakah dia akan diperkenankan?” (Riwayat Muslim)

Membangun Sistem Ekonomi & Kewangan Islam Adalah Tanggungjawab Bersama

Islam adalah satu cara hidup yang menjangkau lebih dari hanya aspek ibadah ritual sahaja. Sebagai satu cara hidup, Islam juga mengatur kehidupan berekonomi dan sistem kewangan. Allah taala berfirman yang bermaksud

“Sesungguhnya Ad-Din (cara hidup) di sisi Allah ialah Islam” (Ali-Imran : 19)

Bukti bahawa ajaran Islam meliputi aspek ekonomi dan perniagaan dapat dilihat dalam buku-buku fiqh yang lengkap. Dalam kesemua buku-buku ini, kita akan dapati bahagian khusus yang membincangkan persoalan perniagaan, harta, kewangan dan ekonomi.

Seorang Islam wajib meyakini bahawa ajaran Islam mampu untuk menyumbang bagi satu amalan dan kehidupan berekonomi yang adil. Semua orang Islam memikul tanggungjawab untuk merealisasikan apa jua ajaran Islam berkaitan perniagaan, ekonomi dan harta sebagai satu sistem dan institusi. Allah taala berfirman yang bermaksud

“Dan barangsiapa yang mencari selain Islam sebagai Ad-Din (cara hidup), ia tidak akan diterima darinya dan di Hari Akhirat nanti, tergolong dalam golongan orang-orang yang rugi.” (Ali Imran : 85)

Adalah merupakan fardu kifayah, untuk mewujudkan sistem dan institusi ekonomi, perniagaan dan kewangan Islam. Selama mana sistem dan ekonomi ini tidak dapat diwujudkan sebagai satu pilihan lain dari sistem konvensional yang ada, setiap seorang dari kita akan dipertanggungjawabkan oleh Allah taala.

Perlu diingat bahawa sistem dan institusi ini bukan hanya untuk kita umat Islam sahaja tetapi ia juga sebenarnya adalah satu sistem bagi manusia semuanya.

Sememangnya setiap seorang dari kita mempunyai kemampuan dan peranan yang berbeza-beza. Siapa yang tidak mampu untuk secara langsung menjayakan usaha menegakkan sistem dan institusi ini, maka hendaklah ia menyokongnya seberapa mampu.

Hari ini usaha sedemikian telah mula berputik di Singapura, kita berharap ia akan subur dan berkembang. Kita juga harus berazam untuk bersama menjayakannya dengan sesiapa sahaja yang mempunyai kepentingan bersama.

Penutup

Dalam kita berdoa agar Allah taala melapangkan rezeki dan membanyakkan harta kita, jangan lupa akan firman Allah taala yang bermaksud

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh harta dan anak-anak kamu dari mengingati Allah. Barangsiapa yang melakukannya, maka dia akan tergolong dalam golongan orang-orang yang rugi.” (Al-Munafiqun : 9)

“Sesungguhnya harta-harta dan anak-anak kamu adalah ujian ke atas kamu, dan pada Allah itu terdapat ganjaran yang besar.” (At-Taghabun : 15)

Ingatlah juga bahawa seorang mukmin ialah seorang yang berusaha keras dalam kehidupan ini tetapi bersyukur dengan apa yang ia perolehi dan sabar atas apa yang menimpa.